



Ekspos Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia dapat sambutan menggalakkan

Oleh Azhar Shahruhnizam - Julai 25, 2022 @ 5:25pm
bhnews@bh.com.my



Kelihatan orang ramai mencari pekerjaan pada Ekspos Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 di World Trade Centre Kuala Lumpur. - Foto AZHAR RAMLI

KUALA LUMPUR: Ekspos Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 selama empat hari berakhir Rabu ini di Pusat Dagangan Dunia (WTC), mendapat sambutan menggalakkan

Tinjauan Bh hari ini mendapati pengunjung yang hadir pada hari ini terdiri daripada lulusan universiti, individu yang kehilangan pekerjaan ketika pandemik COVID-19 dan individu yang mahu bertukar kerjaya.

Ketua Jabatan Modal Insan HICOM Diecastings Sdn Bhd, Muhammad Firdaus Zaidi, 40, berkata beliau menyasarkan sebanyak 50 peratus daripada jawatan yang ditawarkan dapat dipenuhi.

"Sepanjang tiga hari ekspos ini dijalankan kami berjaya mengisi tiga kekosongan di syarikat kami. Kami mempunyai 50 peratus kekosongan dan 35 jawatan yang ditawarkan.

"Setakat ini 30 peratus kekosongan sudah diisi dan kami yakin di akhir ekspos ini sasaran kami akan tercapai," katanya.

Muhammad Firdaus berkata, sebahagian tawaran pekerjaan yang disediakan berkaitan kemahiran dan individu yang terpilih perlu mengikuti proses temuduga.

"Bagi jawatan seperti juruteknik kami mengambil lepasan ijazah kami boleh terus memberi tawaran tetapi pekerjaan yang memerlukan kemahiran seperti jurutera kami akan menghubungi mereka untuk menghadiri sesi seterusnya.

"Mereka perlu menunjukkan demonstrasi hasil kerja mereka untuk diterima bekerja. Kami menerima semua lepasan ijazah asalkan mereka mempunyai kelayakan akademik yang berkaitan dengan agensi kami," katanya hari ini.

Eksekutif Sumber Manusia Prasarana Malaysia Berhad (PRASARANA), Shaifful Fizal Abdul Majid, 38 berkata, PRASARANA memerlukan ramai calon untuk diambil bekerja.

"Kami memerlukan sebanyak 200 pekerja merangkumi pegawai stesen dan juga pemandu bagi pembukaan Projek Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Putrajaya Fasa Dua.

"Calon berumur 28 tahun dan ke bawah dan mempunyai diploma dalam apa-apa bidang digalakkan untuk memohon," katanya sambil menambah PRASARANA menerima purata 70 hingga 80 permohonan sejak Sabtu lalu.

Sementara itu, pencipta perisian, Linggeswaran Gunasegran, 26 berkata kehadiran beliau di ekspos ini adalah untuk mendapatkan pekerjaan dan juga pengalaman baharu.

"Saya baru sahaja meletak jawatan beberapa hari lalu. Saya tidak mempunyai sebarang masalah dengan syarikat ataupun majikan terdahulu tetapi saya ingin menimba pengalaman dan cabaran baharu.

"Pelbagai reaksi yang positif yang diterima daripada pempamer pada hari ini, saya akan teruskan mencari tawaran yang saya anggap berbaloi dan mempunyai kaitan dengan bidang teknologi digital.

Pembantu perubatan klinik swasta, Izzati Aqilah Mat Sariman, berkata beliau mengunjungi pameran itu untuk mencari peluang lebih baik bagi meningkatkan kemahirannya.

"Saya mengambil cuti hari ini kerana ingin datang ke pameran kerjaya ini. Mungkin ada beberapa ruruai yang saya terlepas pandang, saya akan teruskan mencari lagi selepas ini," katanya.